

02 OCT 2003

AGONG LAWAT SEGMENT MARITIM LIMA 2003

LANGKAWI, 2 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail hari ini berkenan berangkat melawat pameran segmen maritim di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA 2003) yang berlangsung di Awana Porto Malai di sini.

Seri Paduka meluangkan masa hampir dua jam melawat sekitar pameran maritim yang disertai lebih 200 syarikat tempatan dan luar negara.

Seri Paduka diiringi pegawai-pegawai kanan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan HW Lima Sdn Bhd.

Pameran antarabangsa itu akan berakhir pada Ahad ini.

Tapak pameran segmen maritim itu turut dikunjungi pemimpin negara termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badwi.

-- BERNAMA

ZI LES AHH BK